

Soalan Lazim Generik

1 Mengapa anda tidak lagi menghantar penyata bercetak?

HLB komited untuk mengurangkan penggunaan kertas sebagai satu cara untuk memulihara alam sekitar. Dengan menghentikan penghantaran penyata bercetak, kami menggalakkan pelanggan untuk memilih kaedah e-Penyata yang lebih cepat, lebih selamat, lebih mudah dan lebih terurus. Selain itu, anda juga boleh melihat baki terkini melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect atau Connect Mobile app.

2 Adakah terdapat sebarang pengecualian?


Tiada. Bank mengarahkan semua pelanggan kepada e-Penyata.

3 Bilakah anda akan berhenti menghantar penyata bercetak kepada saya?

Kami akan menghentikan penghantaran penyata bercetak kepada pelanggan secara berperingkat. Pertama sekali, anda akan menerima surat pemberitahuan bersama-sama penyata bulanan anda, diikuti dengan peringatan SMS pada bulan berikutnya. Kami akan berhenti menghantar penyata bercetak dari bulan ke-3 dan seterusnya daripada tarikh surat notis dihantar. Sila rujuk surat pemberitahuan atau SMS anda.

4 Bagaimana caranya untuk mendaftar e-Penyata?

- Jika anda pengguna Connect, anda hanya perlu log masuk ke HL Connect - www.hongleongconnect.my dan anda boleh melihat atau memuat turun maklumat penyata terdahulu sehingga 24 bulan.
- Jika anda bukan pengguna Connect, sila daftar sekarang dengan mengikuti langkah di bawah:



- ATAU hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di 03-7626 8899.
- ATAU kunjungi mana-mana cawangan Hong Leong Bank.

5 Bilakah saya akan mula menerima e-Penyata jika saya mendaftar e-Penyata sekarang?

Anda akan menerima e-Penyata pertama anda pada tarikh penyata seterusnya selepas pendaftaran Hong Leong Connect atau pendaftaran untuk langganan e-mel.